

Ruj. Kami : PMS/UP/656 – 3 (49)
Tarikh : 24 September 1999

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan,
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 6 TAHUN 1999
SIJIL AKUAN PENDAFTARAN
KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Adalah saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, semua sebutharga atau tender bagi bekalan dan perkhidmatan Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan di Sabah hendaklah diuruskan dengan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Perbendaharaan Malaysia Sabah atau Perbendaharaan Malaysia Sarawak. Sesebuah syarikat yang ingin mendapatkan dokumen sebutharga atau membeli dokumen tender bagi tawaran bekalan dan perkhidmatan mestilah mengemukakan sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor yang berdaftar samada dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Perbendaharaan Malaysia Sabah atau Perbendaharaan Malaysia Sarawak yang masih sah laku tarikh pendaftarannya dan berdaftar dalam bidang-bidang yang berkenaan.

3. Walau bagaimanapun, Pejabat ini mendapati terdapat kes di mana syarikat telah menipu Jabatan dengan mengemukakan Lampiran A (senarai bidang-bidang yang diluluskan) bagi sijil yang telah luput tempoh sah laku tarikh pendaftarannya. Penipuan ini dilakukan untuk membolehkan syarikat tersebut memasuki tawaran sebutharga/tender berkenaan walaupun bidang tersebut sudah tidak diluluskan kepada syarikat berkenaan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan kesahihan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan bidang-bidang yang telah diluluskan bagi sesebuah syarikat yang ingin menyertai sesuatu tawaran Jabatan/Agensi. Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

4.1 Salinan Asal

Hanya syarikat yang mengemukakan salinan asal Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor sahaja boleh diberi/dijual dokumen tawaran;

4.2 Sijil Akuan Pendaftaran Yang Masih Sahlaku

Pada masa ini Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor adalah menggunakan format baru seperti contoh di **Lampiran "W"** yang dikeluarkan mulai 12 Mac 1999. Format Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang lama adalah seperti contoh di **Lampiran "X"** dan pengeluarannya telah dihentikan mulai 12 Mac 1999. Walau bagaimanapun sijil akuan dengan format yang lama masih sahlaku tertakluk kepada tarikh pendaftaran yang masih belum luput. Tempoh pendaftaran bagi sesuatu syarikat ada dicetak dalam kedua-dua format Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor;

4.3 Bidang-bidang Yang Diluluskan:

Dalam format Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang baru, bidang-bidang yang diluluskan dicetak terus secara berkomputer di atas sijil berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam format Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang lama, bidang-bidang yang diluluskan akan dikepilkan di Lampiran A sijil berkenaan, sekiranya ruangan tidak mencukupi. Lampiran A hanya terpakai bagi format lama Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor. Bagi syarikat yang telah diluluskan penambahan bidang, Sijil Tambah Bidang akan dikeluarkan. Contoh sijil Tambah Bidang adalah seperti di **Lampiran "Y"**.

4.4 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera

Bagi kontraktor yang diiktiraf sebagai kontraktor Bumiputera, Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera akan dikeluarkan kepada kontraktor yang berkenaan. Contoh Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera adalah seperti di **Lampiran "Z"**. Bagi tawaran sebharga/tender yang dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera, maka Jabatan/Agensi hendaklah memastikan kontraktor ada mengemukakan salinan asal Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera ketika memohon mendapatkan dokumen tawaran.